

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh: 6 November 2014 (Khamis)

Mukasurat : 26

26 ○ RENCANA

Minda Pengarang

BH (Bhamr)
6/11/14 : ms26
-rencana

Agensi awam perlu lebih peka martabat bahasa kebangsaan

Sukar difahami mengapakah selepas 57 tahun merdeka, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini belum lagi mencapai seperti apa yang diharapkan. Malah, masih ada rakyat, agensi, institusi atau organisasi awam dan swasta yang memandang ringan penggunaan bahasa kebangsaan. Masalah keengganan masyarakat dan agensi awam atau swasta menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi termasuk dokumen pengiklanan yang disebar kepada umum mencerminkan betapa roh serta semangat kita untuk memartabatkan bahasa kebangsaan masih jauh daripada apa yang dikehendaki. Kalau bercakap dalam mesyuarat pun guna bahasa asing, inikan pula dalam perkara lain. Persoalan ini kembali menjadi topik perbualan selepas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menegur Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kerana menggunakan iklan bahasa Inggeris di laman webnya ketika menawarkan jawatan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN). Sepatutnya KBS lebih maklum bahawa bahasa Melayu mesti digunakan sejajar dengan statusnya sebagai bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, khasnya dalam urusan rasmi. Menjadi kewajiban kepada semua penjawat awam untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam segala urusan rasmi. Perkara ini juga dipertegas dalam menerusi Pekeliling Bilangan 9 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mensyaratkan bahasa Melayu perlu digunakan dalam urusan rasmi.

Mengapakah kita tidak mampu mencontohi semangat ditunjukkan bangsa lain seperti Jepun, Korea, China, Indonesia, Perancis, Jerman dan banyak lagi negara maju yang bukan saja bangga dengan bahasa kebangsaan mereka, malah rela berkorban untuk memartabatkannya. Sudah terbukti, tanpa meminggirkan bahasa kebangsaan, mereka tetap berupaya menjadi bangsa dan negara yang maju seperti disaksikan pada hari ini. Malangnya di negara kita, segelintir masyarakat termasuk penjawat awam dilihat tidak begitu komited untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi, apatah lagi dalam urusan tidak rasmi. Justeru, jika meneliti kepada senario yang berlaku kebelakangan ini, ia lebih menjerumuskan kepada kegagalan penjawat awam mematuhi pekeliling berkenaan, bukan disebabkan kelemahan pekeliling dikeluarkan JPA. Di sini, apabila ada pegawai dan agensi kerajaan sendiri yang meminggirkan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi termasuk dalam hal ehwal penyiaran iklan, ia mendedahkan kepada kita bahawa jati diri penjawat awam untuk memartabatkan bahasa kebangsaan masih lemah. Bermakna, sesuatu perlu dilakukan untuk memperbaiki kelemahan ini. Tidak ada gunanya jika DBP serta pejuang bahasa bermati-matian berkempen menyeru agar rakyat memartabatkan bahasa kebangsaan tetapi pada masa sama penjawat awam sendiri lepas tangan terhadap usaha itu. Kita berharap semua pihak khasnya penjawat dan agensi awam serta swasta memberikan komitmen tinggi yang amat diperlukan bagi memartabatkan bahasa kebangsaan di negara ini dalam erti kata sebenar.